

JAWAPAN

Tan Sri Yang Di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Gombak atas soalan beliau.

2. Kawasan maritim yang dituntut oleh Malaysia di Laut China Selatan adalah seperti yang digambarkan di dalam Peta Baru Malaysia yang diterbitkan dan diwartakan pada tahun 1979 dan ianya adalah selaras dengan undang-undang antarabangsa yang berkuatkuasa pada masa itu. Malaysia sentiasa mengambil langkah-langkah yang sewajarnya di dalam mempertahankan kawasan maritim yang dituntut termasuklah menjalankan rondaan dan pengawasan serta aktiviti-aktiviti penguatkuasaan.

3. Malaysia berpendirian bahawa ciri-ciri geografi seperti terumbu, beting, cay dan sebagainya yang terdapat di dalam kawasan maritim Malaysia di Laut China Selatan adalah merupakan kepunyaan Malaysia. Sehubungan dengan itu, usaha-usaha sentiasa diambil bagi menzahirkan hak dan kedaulatan Malaysia ke atas ciri-ciri geografi ini. Sebagai contoh, Terumbu Layang-Layang telah dibangunkan sebagai destinasi penyelaman yang terkemuka di dunia dan jumlah pelancong serta penyelam yang mengunjungi Terumbu Layang-Layang meningkat dari setahun ke setahun.

4. Malaysia juga telah membangunkan stesen penyelidikan saintifik marin di Terumbu Layang-Layang bagi menjalankan kajian ke atas ekosistem di Laut China Selatan, aspek-aspek meteorologi dan juga sumber-sumber perikanan. Selain itu, Malaysia telah membina alat-alat bantuan pelayaran di lokasi-lokasi strategik bagi memastikan keselamatan pelayaran dan juga komuniti nelayan di kawasan Laut China Selatan.

Sekian, terima kasih.